

26/11/1997

Ekor tersaman akibat sistem canggih

KALI ini hendak bercerita tentang saman ekor. Banyak aduan diterima daripada pemilik kenderaan yang tidak berpuas hati dengan tindakan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) mengeluarkan saman ekor terhadap mereka.

Seharusnya dan sepatutnya perkara seperti di atas tidak perlu wujud kepada sebuah institusi yang amat dipercayai dan diberi kepercayaan oleh rakyat.

Setahu kita PDRM telah dan akan berbelanja banyak untuk membeli sistem komputer baru, terutama dalam usaha menggantikan sistem yang digunakan sejak Perang Dunia Kedua lagi.

Khabarnya, ia membabitkan pelaburan tinggi seperti Amhasnet sebanyak RM73 juta, manakala menurut Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli, PDRM dijangka menikmati kemudahan komputer canggih dengan pelaburannya mencecah sehingga RM200 juta.

Semua pelaburan tinggi itu kononnya untuk meningkatkan komunikasi dan pencegahan jenayah selain bersedia dalam menghadapi pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang akan menjadi kawasan pertama PDRM berhadapan dengan kerenah jenayah elektronik.

Sedang dalam keghairahan menunjukkan angka tinggi itu, muncul satu pepijat yang menyebabkan ramai pengguna membuat pengaduan mengenai saman ekor terutama nombor kenderaan yang kena saman tidak tele dengan kenderaan mereka.

Cubalah fikir, ada kenderaan yang kena saman hanya digunakan di "lebu raya bendang" saja. Nasib baik kereta lembu di Padang Merdeka, Melaka, tidak disaman ekornya.

Perkara seperti ini seharusnya tidak wujud di PDRM dengan tanggungjawab besar dalam memelihara keharmonian dan kepercayaan rakyat.

Walaupun sistem canggih itu belum lagi tersedia untuk dilaksanakan, petugas harus bertugas seperti sistem yang canggih memandangkan mereka dilatih dengan tugas canggih.

Yang tidak kena di sini sama ada sistem komputer atau polis yang menjadi inputter?

Kini menjadi tanggungjawab besar PDRM sebelum ke Putrajaya. Nanti apabila di Putrajaya, kereta PM pun kena saman ekor.

Dalam asyik dengan cerita polis dan saman ekor, tiba-tiba terbaca cerita seorang lagi sahabat mengenai sistem komputer bank. Ia mengenai mangsa akibat kecanggihan komputer bank, yang mana ramai pelanggannya mengalami kehilangan wang daripada akaun mereka.

Dua insiden ini harus dijadikan teladan dan iktibar dalam memanfaatkan kecanggihan sistem komputer.

Walaupun banyak negara maju terutama barat, sudah mengalami kejadian seperti ini, kita di Malaysia, harus bersedia mulai sekarang untuk memantapkan lagi sistem dan penggunaan komputer, terutama sekali kecekapan dan kemahiran pengendalinya yang merupakan punca pelbagai masalah perkomputeran.

Bukannya semua komputer itu canggih belaka hingga mampu mengatasi kemampuan pemikiran manusia. Ingatlah: sependai-pandai tupai melompat, akhirnya jadi mangsa senapang patah pemburu juga.

Untuk memastikan kita tidak malu besar di masa depan nanti, eloklah satu kajian menyeluruh dilakukan bagi memastikan apa yang dilaksanakan masa kini tidak mewujudkan malu yang besar pada masa depan.

Jangan ambil iktibar pasukan bolasepak Malaysia, kecundang di tangan

Laos hanya dengan satu telur tanpa balas, bottom linenya, kita kalah dengan pasukan yang boleh dikatakan who are they?

Malulah kita dengan usaha PM yang bersungguh-sungguh melancarkan kempen IT untuk membuka mata semua pihak supaya yakin dengan keupayaan IT bagi alaf kehidupan masa depan.

Apabila saman ekor tersaman ekor lain, alangkah malunya kita. Bila ditolak kad ATM, jika kad tidak ditelan, habuk dan angin yang keluar, malukah kita?

Kita nak jadi hub IT di rantau ini, benda remeh-temeh seperti ini tidak terjaga. Bukan salah ibu termengandung!

KRUL: Sayang IT, cinta IT, kasih SITI.

(END)